

20/03/2000

27 lagi bahagian calonkan Dr M, Pak Lah

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendapat sokongan padu bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno daripada semua 27 bahagian parti itu, yang bermesyuarat hari ini.

Cubaan perwakilan Umno bahagian Johor Bahru, Segambut dan Gelang Patah mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai presiden dan perwakilan Sungai Siput dan Kuantan bagi kerusi timbalan presiden, gagal apabila pencalonan itu tewas.

Bahagian Umno yang mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah hari ini ialah Lumut, Gopeng, Taiping, Sungai Siput, Ipoh Timur, Ipoh Barat (Perak) Sabak Bernam, Kapar, Klang, Kuala Langat, Serdang, Hulu Langat, PJ Utara, Hulu Selangor (Selangor), Gelang Patah, Sri Gading, Parit Sulong, Johor Bahru (Johor), Nibong Tebal dan Bayan Baru (Pulau Pinang), Labuan dan Segambut (Wilayah Persekutuan), Jasin (Melaka), Sandakan (Sabah), Kuantan (Pahang), Arau (Perlis) dan Jempol (Negeri Sembilan).

Dengan itu, Perdana Menteri, yang layak mempertahankan jawatan selepas melebihi syarat minimum 30 peratus atau sokongan 50 bahagian semalam, kini mengumpul 78 pencalonan.

Timbalan Perdana Menteri juga mengumpul 78 pencalonan, termasuk 27 hari ini untuk bertanding jawatan timbalan presiden.

Tengku Razaleigh kekal dengan pencalonan tunggal bagi kerusi presiden dan timbalan presiden oleh bahagian Tanah Merah.

Bagi jawatan naib presiden, dua lagi calon iaitu Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam, layak bertanding selepas melebihi syarat minimum 10 peratus atau sokongan 17 bahagian.

Abu Hassan yang kali pertama menawarkan diri bertanding jawatan itu memperoleh 31 pencalonan, termasuk 13 hari ini iaitu Taiping, Sungai Siput, Serdang, Sabak Bernam, Labuan, Klang, Kuala Langat, Nibong Tebal, Jempol, Kuantan, Kapar, Hulu Langat, Segambut, PJ Utara dan Hulu Selangor.

Osu pula memperoleh 22 pencalonan, termasuk tujuh hari ini dari bahagian Sandakan, Arau, Lumut, Ipoh Timur, Sri Gading, Johor Bahru dan Kuantan, manakala Mohd Isa layak selepas mendapat 17 pencalonan minimum.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak terus mendahului calon naib presiden apabila mengumpul 75 pencalonan, termasuk 26 hari ini.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman pula memperoleh 45 pencalonan; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad Menteri Luar; Datuk Seri Syed Hamid Albar (13); Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib (12); Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim (9); Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin (8); Tengku Razaleigh Hamzah (2) dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (2).

Bagi jawatan Ketua Pemuda, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, terus mendahului dengan 113 pencalonan, apabila mendapat pencalonan dari semua 22 bahagian hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir pula memperoleh 86 pencalonan naib manakala Pengerusi Jawatankuasa Latihan dan Kemahasiswaan, Zein Isma Ismail pula 20.

Bagi jawatan Ketua Wanita, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz 63 pencalonan manakala penyandang

jawatan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman 42.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil pula memperoleh 63 pencalonan untuk naib, Ainon Khariyah Mohd Abas (31) dan penyandang jawatan, Datuk Napsiah Omar (12).

(END)